

Mahathir ajak

UM 24 JUN 1988

Melayu lindungi

Oleh Abdullah Hassan

KUALA TERENGGANU 23 Jun — Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak seluruh masyarakat Melayu menjadikan tanggungjawab mereka melindungi UMNO kerana parti itu sudah banyak berjasa dan melindungi mereka. Katanya, UMNO (baru) dan UMNO lama tidak ada perbezaannya, pemimpin tetap sama "tetapi undang-undang mahu kita bezakan sedikit setelah yang lama diharamkan dan kerana itu kita daftar UMNO (baru)."

Berucap di hadapan lebih 5,000 orang ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dari 799 buah cawangan di seluruh Negeri Terengganu di sini petang ini beliau menegaskan:

Perjuangan kita adalah untuk kebaikan kita bersama dan saya yakin perjuangan orang Melayu menerusi UMNO ini akan mencapai kejayaan.

Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir, menasihatkan seluruh pemimpin masyarakat di peringkat kampung supaya tidak mudah dikelirui atau menerima duit dari golongan yang mahu menghancurkan UMNO.

"Mereka sanggup membeli dan kita jangan mudah menjual maruah dan bangsa kita sendiri," jelasnya disambut dengan tepukan bergemuruh dari para hadirin.

Dalam ucapan lebih satu jam itu, Perdana Menteri banyak menekankan soal demokrasi yang berteraskan kepada suara majoriti dan golongan yang mengenyakan suara terbanyak.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, dalam demokrasi, suara terbanyak diutamakan bagi melicinkan pentadbiran dan membuat keputusan tetapi jika ada golongan yang tidak mahu terima keputusan ramai, pembangunan negara akan menyulitkan.

Menurutnya, sekiranya rakyat mahu negara ditadbir secara teliti dan memberi manfaat kepada mereka, sistem suara ramai harus diterima dan "golongan kecil harus menerima golongan besar."

Bagaimanapun, tambah beliau, sekiranya

suara kecil enggan menerima keputusan dan sebaliknya mereka membuat huru-hara dan keliruan rakyat, keadaan akan menjadi kucar-kacir dan rakyat tidak dapat merasai nikmat dari khidmat wakil rakyat.

Perdana Menteri mengibaratkan demokrasi seperti sebilah pisau yang tajam. Kalau pisau itu pandai diguna, ia boleh mengukir kayu untuk dijadikan bunga yang cantik tetapi pisau itu juga boleh diguna untuk membunuh dan menikam orang.

Beliau bagaimanapun bersyukur kerana sejak merdeka, negara berjalan dengan baik dan sebab utamanya ialah kerana para pemimpin faham dan tahu cara menggunakan demokrasi.

Malangnya, tambah beliau sejak akhir ini, ada golongan yang tidak dapat menerima prinsip demokrasi setelah sekian lama UMNO berjalan dengan licin dan dapat menentukan siapa yang memimpin parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata golongan tersebut, apabila tewas mencari jalan untuk mendapat kemenangan semula.

Mereka mendakwa pemilihan tidak sah dan membawa kes mereka ke mahkamah. Beliau menekankan bahawa selepas pertandingan, barisan parti patut dirapatkan semula dan walaupun kita bersalam, tetapi tidak ada keikhlasan dan mereka mencari jalan untuk menidakkan suara ramai.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri membawa kenangan para perwakilan kepada keadaan orang Melayu dahulu di mana mereka dipandang hina, tidak ada kekayaan dan kepandaian tetapi bila ada UMNO, orang Melayu menjadikannya tempat bergantung dan berlindung.

Oleh kerana itu, tegasnya, adalah menjadi tanggungjawab seluruh orang Melayu melindungi UMNO yang banyak berjasa dan melindungi orang Melayu sendiri.

Beliau mengingatkan penyatuan orang Melayu amat penting dalam UMNO supaya parti boleh terus memberi nikmat kepada rakyat.

"Jangan sesiapa benarkan diri mereka dipengaruhi oleh kumpulan yang tidak menghormati demokrasi kerana jika mereka sanggup membunuh UMNO, mereka sanggup buat apa sahaja," tegasnya.

masyarakat
UMINO